



HUBUNGAN SIKAP MENOLONG DENGAN TINGKAH LAKU PROSOSIAL KESUKARELAWANAN KANAK-KANAK SEKOLAH RENDAH

(The Relationship between Helping Attitudes and Prosocial Behaviors of Volunteerism among Primary School Children)

Siti Zulaikha Azlan¹, Khadijah Alavi^{1*}

¹ Faculty of Social Sciences and Humanities, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600, Bangi, Malaysia

*Corresponding Author Email: khadijah@ukm.edu.my

Received: 26 May 2023 • Accepted: 15 August 2023 • Published: 30 April 2024

Abstract

Helping attitudes and prosocial behaviors of volunteerism are two different areas, yet they are interrelated. These two elements form the basis for the formation of one's personality and morals. The application of helping attitudes and prosocial behaviors of volunteerism is important to every layer of society, especially to those who are still in school. Therefore, the main objective of this study was to examine the relationship between helping attitudes and prosocial behaviors of volunteerism of primary school children using experiential learning theory approaches and volunteerism models. The sample of this study consisted of year five students of Sekolah Kebangsaan Sena, Kangar, Perlis involving 100 respondents. This study used the Helping Attitudes Scale (1998) and the Prosocialness Scale for Adults (2005). The data obtained were analyzed using descriptive analysis and Pearson correlation analysis through SPSS version 27.0. The results of the analysis of the study findings show that there is a significant relationship between the helping attitudes with the prosocial behaviors of volunteerism of primary school children and the relationship that exists is positive. The implication of this study is to be an action strategy plan to support the existing action plan in the National Children's Policy in an effort to improve the noble values of primary school children. This study also has implications for the field of social work in Malaysia, especially to provide the profession of social worker in schools

Keywords: Children; Helping Attitudes; Primary School; Prosocial Behaviors; Volunteerism

Abstrak

Sikap menolong dan tingkah laku prososial kesukarelawanan adalah dua bidang yang berbeza, namun ia saling berkaitan. Kedua-dua unsur ini menjadi asas kepada pembentukan sahsiah dan akhlak seseorang. Penerapan sikap tolong-menolong dan tingkah laku prososial kesukarelawanan adalah penting kepada setiap lapisan masyarakat khususnya kepada mereka yang masih bersekolah. Oleh itu, objektif utama kajian ini adalah untuk mengkaji hubungan antara sikap menolong dengan tingkah laku prososial kesukarelawanan kanak-kanak sekolah rendah menggunakan pendekatan teori pembelajaran pengalaman dan model kesukarelawanan. Sampel kajian ini terdiri daripada pelajar tahun lima Sekolah Kebangsaan Sena, Kangar, Perlis yang melibatkan 100 orang responden. Kajian ini menggunakan Helping Attitudes Scale (1998) dan Prosocialness Scale for Adults (2005). Data yang diperolehi dianalisis menggunakan analisis deskriptif dan analisis korelasi Pearson melalui SPSS versi 27.0. Hasil analisis dapatan kajian menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara sikap menolong dengan tingkah laku prososial kesukarelawanan kanak-kanak sekolah rendah dan hubungan yang wujud adalah positif. Implikasi kajian ini adalah menjadi satu pelan strategi tindakan bagi menyokong pelan tindakan sedia ada dalam Dasar Kanak-Kanak Negara dalam usaha meningkatkan nilai-nilai murni kanak-kanak sekolah rendah. Kajian ini juga memberi implikasi kepada bidang kerja sosial di Malaysia khususnya untuk menyediakan profesion pekerja sosial di sekolah

Kata kunci: Kanak-kanak; Kesukarelawanan; Sekolah Rendah; Sikap Menolong; Tingkah Laku Prososial

Cite as: Azlan, S. Z. & Alavi, K. (2024). The Relationship between Helping Attitudes and Prosocial Behaviors of Volunteerism among Primary School Children. *Asian People Journal*, 7(1), 33-49.

PENGENALAN

Pada era globalisasi ini, kanak-kanak dilihat sebagai golongan komuniti yang tidak banyak menyumbang kepada pembangunan sesebuah negara. Mereka kurang diberi peluang dan perhatian yang khusus dalam melaksanakan aktiviti-aktiviti berbentuk kebajikan sosial seperti kesukarelawanan. Pelbagai pihak berperanan penting dalam menangani masalah ini agar tingkah laku prososial dapat dibentuk dalam kalangan kanak-kanak supaya mereka sentiasa mengamalkan nilai murni dan mempunyai sifat keprihatinan yang tinggi apabila menjadi belia kelak. Tahap kesedaran tingkah laku prososial kesukarelawanan dalam kalangan ibu bapa berada pada tahap yang sangat rendah, terutamanya mereka yang mempunyai anak sekolah rendah (Fatin et al. 2021). Apabila pihak sekolah mengadakan aktiviti gotong-royong, ibu bapa dilihat tidak terlibat dalam aktiviti tersebut. Perkara ini tidak seharusnya berlaku kerana ibu bapa merupakan 'role model' kepada anak-anak. Ibu bapa perlu bijak dalam menguruskan masa dan mencari peluang bagi menyertai aktiviti kesukarelawanan bersama anak-anak mereka (Bryant & Zimmerman 2003; Ho-Tang Wu et al. 2016).

Seterusnya, Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) di sekolah rendah juga merupakan antara pihak yang berperanan memberi dorongan kepada ibu bapa dan para pelajar untuk mempraktikkan semangat kesukarelawanan. Namun realiti kini, topik kesukarelawanan di sekolah rendah kurang diketengahkan. Mereka lebih menumpu kepada aspek pengurusan sekolah, dan bukannya langkah advokasi berkaitan tingkah laku prososial kesukarelawanan. Masalah ini amat merugikan kerana PIBG merupakan tulang belakang yang kuat kepada sekolah dalam membentuk perancangan strategik bagi menyemarakkan semangat kesukarelawanan kepada warga sekolah

dan ibu bapa. Bukan itu sahaja, Kementerian Pendidikan Malaysia juga kurang mengadakan program atau kempen berbentuk kesukarelawanan yang dikhususkan kepada para pelajar sekolah rendah (Abu & Othman, 2021). Hal ini dikatakan demikian kerana kebanyakan program kesukarelawanan sama ada peringkat sekolah, negeri atau kebangsaan lebih ditumpukan kepada sekolah menengah dan belia.

Walaupun golongan belia adalah golongan yang produktif dan sering dikaitkan dengan aktiviti kesukarelawanan kerana mereka mempunyai tahap kecergasan fizikal dan kecerdasan mental yang tinggi, namun aktiviti kesukarelawanan bukanlah sesuatu yang mudah untuk dilakukan kerana memerlukan komitmen dan tahap penghayatan yang tinggi. Menurut Hussain dan Yasin (2016a), tahap penghayatan golongan belia di Malaysia terhadap semangat kesukarelawanan masih kurang memuaskan kerana konstruk perasaan menunjukkan semangat kesukarelawanan yang masih rapuh. Mereka tidak sanggup atau tidak seronok melakukan aktiviti kesukarelawanan di kawasan berpenyakit, kotor dan kekurangan kemudahan awam. Ini bermakna mereka belum mencapai tahap tingkah laku prososial yang diperlukan (Tuan Pah & Lilah 2016).

Situasi ini amat menyedihkan kerana golongan belia adalah antara sumber dalaman yang dapat membantu meningkatkan kesejahteraan masyarakat di negara kita. Hal ini dikatakan demikian kerana belia yang bersedia melakukan program berkaitan sukarelawan secara baik adalah dalam kalangan belia yang benar-benar dapat menghayati semangat kesukarelawanan itu sendiri (Hussain & Yasin, 2016b). Jelaslah bahawa tingkah laku prososial ini perlulah dilatih dan dididik sejak di usia kanak-kanak lagi bak kata pepatah melentur buluh biarlah dari rebungunya. Pada era serba moden ini, tahap tingkah laku prososial kesukarelawanan dalam kalangan kanak-kanak adalah rendah. Hal ini dikatakan demikian kerana keterlibatan kanak-kanak sekolah dalam aktiviti prososial kesukarelawanan adalah kurang (Tharshini & Ibrahim, 2019). Jika diajar melakukan sesuatu perkara secara sukarela, mereka akan akur tetapi mereka tidak memahami sebetulnya perbuatan tersebut. Ibu bapa dan juga guru di sekolah tidak memberi pendedahan awal kepada para pelajar tentang tingkah laku prososial.

Menurut Yasin dan Kuan (2009), ibu bapa lebih mengambil berat terhadap masalah pembelajaran anak-anak berbanding perkara yang tidak berkaitan dengan pembelajaran dan pelajaran pelajar. Implikasinya, sikap menolong dengan prihatin dan hati yang ikhlas tidak dapat dikukuhkan dalam diri kanak-kanak tersebut. Pada masa yang sama, tiada bengkel atau program yang dilaksanakan untuk meningkatkan motivasi pelajar sekolah rendah agar terlibat dalam aktiviti prososial kesukarelawanan. Kanak-kanak sekolah rendah juga kurang aktif semasa persekolahan dan kurang melibatkan diri dalam aktiviti fizikal sehingga menjejaskan tahap kesihatan dan pertumbuhan emosi pelajar dalam kehidupan sosial kanak-kanak (Ying & Koh, 2021; Nurul Akasyah & Syawal, 2023). Walaupun terdapat banyak kajian dijalankan di Malaysia yang memfokus kepada tingkah laku prososial dan kesukarelawanan dalam kalangan belia (Syafitri, 2020; Tharsini & Ibrahim, 2019; Fitriyana et al., 2019), namun belum ada kajian yang menekankan tingkah laku prososial kesukarelawanan dan sikap menolong dalam kalangan kanak-kanak khususnya sekolah rendah. Perkara ini telah membuktikan perlunya kajian ini dalam kalangan kanak-kanak bagi menjamin generasi yang seimbang dan berwawasan tinggi dapat dilahirkan pada masa akan datang.

Oleh itu, kajian yang dilaksanakan menggunakan kaedah metodologi kuantitatif sepenuhnya dan menerusi reka bentuk tinjauan ini bertujuan mengkaji tahap sikap menolong dan tahap tingkah laku prososial kesukarelawanan dalam kalangan kanak-kanak sekolah rendah. Kajian ini juga bertujuan melihat hubungan antara sikap menolong dengan tingkah laku prososial kesukarelawanan kanak-kanak sekolah rendah. Sampel kajian adalah terdiri daripada para pelajar tahun lima di Sekolah Kebangsaan Sena, Kangar, Perlis.

KAJIAN LITERATUR

Sikap menolong merupakan sebuah tindakan sosial yang dibentuk oleh perasaan dan kepercayaan untuk membantu orang lain yang menghadapi masalah atau menyelesaikan kesusahan mereka (Suryadilaga, 2021; Stukas & Clary, 2012; Nickell, 1998). Sikap menolong perlu dikembangkan kepada setiap lapisan masyarakat sama ada melalui institusi kekeluargaan, masyarakat tetangga atau menerusi persekolahan untuk membolehkan seseorang individu membentuk hubungan sosial yang baik (Setianingsih et al. 2020). Manakala tingkah laku prososial pula merujuk kepada suatu bentuk keprihatinan yang dijelaskan oleh kesediaan untuk menolong orang lain, empati dan bermurah hati (Fitria, 2015). Jika tidak wujud niat dalam sikap menolong, maka tidak terbentuk tingkah laku prososial dalam diri seseorang individu.

Sikap menolong berhubung secara positif dengan kepercayaan kepada dunia yang adil dan keberkesanan diri untuk mempromosikan keadilan di dunia dalam kalangan sukarelawan (Correia et al. 2016). Kajian tentang ini dilaksanakan ke atas dua kumpulan sampel kajian iaitu 150 orang pelajar universiti dan 235 orang sukarelawan. Kajian berbentuk kuantitatif dan menggunakan instrumen *Personal belief in a just world*, *General belief in a just world*, *Self-efficacy to promote justice in the world* dan *Helping attitudes*. Hasil kajian terhadap sampel sukarelawan menunjukkan sikap menolong mempunyai perkaitan yang signifikan dengan keberkesanan diri untuk mempromosikan keadilan di dunia dan kepercayaan peribadi dalam dunia yang adil. Di samping itu, kajian juga mendapati perempuan mempunyai sikap yang positif terhadap menolong berbanding lelaki. Walau bagaimanapun, dapatan tersebut bercanggah dengan dapatan oleh Eagly dan Crowley (1986) melalui kajian mereka yang bertajuk *Jantina dan Tingkah Laku Membantu: Kajian Meta-Analitik Sastera Psikologi Sosial*. Hasil kajian menunjukkan bahawa golongan lelaki memberi bantuan lebih berbanding perempuan, dan perempuan pula menerima lebih banyak bantuan berbanding lelaki.

Kajian Nuswantari dan Astuti (2015) bertujuan mengenalpasti pengaruh pemberian lagu anak-anak terhadap tingkah laku prososial kanak-kanak di taman kanak-kanak. Kajian melibatkan seramai 25 orang sampel dan kaedah kajian yang digunakan adalah *non-randomized control group pretest posttest design* untuk mengukur tingkah laku prososial kanak-kanak. Hasil kajian menunjukkan terdapat peningkatan tingkah laku prososial pada kanak-kanak yang menerima tindakan iaitu pemberian lagu anak-anak. Selain itu, Miller et al. (1996) telah menjalankan kajian hubungan penaaakulan moral (*moral reasoning*) dan emosi vicarious (*vicarious emotion*) dengan tingkah laku prososial kanak-kanak terhadap rakan sebaya dan orang dewasa. Kaedah kajian yang digunakan adalah berbentuk kualitatif melalui pemerhatian dan temu bual. Hasil kajian menunjukkan terdapat hubungan yang positif antara bantuan kanak-kanak dengan emosi sedih yang dilaporkan sendiri kepada rakan sebaya yang tertekan dan hubungan yang negatif dengan emosi gembira yang dilaporkan sendiri kepada filem.

Kajian Yoo et al. (2013) mendapati bahawa hubungan antara pelbagai jenis tingkah laku ibu bapa dan hubungan yang seimbang antara ibu bapa dan anak yang membolehkan keakraban dan autonomi serta empati dan tingkah laku prososial dalam kalangan remaja. Jenis tingkah laku ibu bapa termasuklah pengetahuan ibu bapa, permintaan ibu bapa dan kawalan psikologi ibu bapa. Sampel kajian melibatkan seramai 335 pasangan berkahwin dan anak remaja mereka yang berumur 10 hingga 13 tahun. Kaedah yang digunapakai adalah berbentuk kuantitatif melalui tinjauan dengan mengedarkan set soal selidik. Antara skala yang digunakan untuk mengukur tahap tingkah laku prososial remaja adalah 9 item daripada versi *Inventory of Strengths* yang diubah suai. Nilai alpha cronbach yang diperolehi adalah 0.83. *Interpersonal Reactivity Index* (IRI) digunakan untuk mengukur keupayaan remaja menunjukkan sikap empati terhadap orang lain dan memperoleh nilai alpha cronbach sebanyak 0.81. Hasil kajian menunjukkan terdapat hubungan positif antara empati dan tingkah laku prososial dengan persepsi remaja berkaitan

pengetahuan ibu bapa, permintaan ibu bapa serta hubungan seimbang mereka bersama ibu bapa. Oleh itu, tahap tingkah laku prososial kesukarelawanan kanak-kanak adalah terkait dengan tingkah laku ibu bapa mereka.

Selain daripada kajian yang telah dilaksanakan penyelidik terdahulu, isu keselamatan diri juga masih kurang ditekankan dalam kalangan kanak-kanak terutamanya ketika melakukan aktiviti kesukarelawanan. Terdapat banyak kes yang boleh dijadikan contoh bagi membuktikan perkara tersebut. Antaranya adalah kes yang berlaku Bandung, Indonesia di mana seramai 11 orang pelajar yang berumur antara 13 hingga 15 tahun telah dilaporkan meninggal dunia kerana lemas ketika sedang bergotong-royong membersihkan tebing Sungai Cileueur (Astro Awani, 16 Oktober 2021).

Mereka tidak memakai alat pengapung dan cuaca ketika itu adalah baik serta tiada banjir kilat berlaku. Laporan Tahunan 2020 oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia pula menunjukkan sebanyak 306 kes lemas yang direkodkan bagi tahun 2020. Lokasi yang tertinggi berlakunya kes lemas adalah di sungai atau tali air iaitu sebanyak 187 kes (61%) yang mana 150 kes daripadanya melibatkan kematian. Jelas di sini bahawa aspek keselamatan dan kawalan risiko kepada kanak-kanak yang terlibat dalam aktiviti kesukarelawanan adalah masih kurang diberi perhatian sehingga telah menyebabkan kemalangan berlaku. Isu seperti ini telah mengakibatkan berlaku kemerosotan penglibatan kanak-kanak dalam aktiviti kesukarelawanan.

METODOLOGI KAJIAN

Reka Bentuk dan Persampelan Kajian

Pengkaji telah memilih untuk menggunakan kaedah kuantitatif menerusi reka bentuk tinjauan. Kajian akan menggunakan instrumen soal selidik untuk mendapatkan data berdasarkan objektif kajian. Pengkaji memilih reka bentuk ini kerana ingin mendapatkan data berbentuk numerik dan memudahkan responden memberi maklumat yang diperlukan kajian ini melalui pengisian borang soal selidik.

Persampelan adalah proses memilih sebilangan individu (sampel) dari populasi kajian, di mana individu tersebut adalah mewakili kumpulan yang lebih besar dari mana mereka dipilih (Fraenkel et al. 2012). Sampel kajian dipilih daripada para pelajar Darjah 5 Sekolah Kebangsaan Sena. Pengkaji memilih Sekolah Kebangsaan Sena sebagai lokasi kajian adalah kerana sekolah tersebut antara sekolah kluster kecemerlangan yang mempunyai pengurusan sekolah terbaik dan kemenjadian murid yang holistik dalam aspek akademik, kokurikulum, sahsiah dan penampilan diri. Lokasi sekolah berada di tengah bandar dan menjadi tumpuan masyarakat sekitar sebagai sekolah pilihan ibu bapa. Justifikasi pemilihan pelajar yang berumur 11 tahun sahaja adalah kerana jumlah pelajar Darjah 5 di sekolah tersebut yang ramai dan memudahkan pencarian sampel informan bagi kajian kuantitatif ini. Di samping itu, mereka mempunyai jadual yang tidak padat berbanding pelajar berumur 12 tahun yang akan menghadapi peperiksaan Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR). Penentuan saiz sampel kajian adalah merujuk kepada jadual Krejcie dan Morgan (1970). Populasi para pelajar sekolah tersebut adalah seramai 700 orang, jadi sampel kajian adalah seramai 248 orang pelajar sahaja.

Walau bagaimanapun, kajian yang dilaksanakan ini hanyalah di peringkat prasiswazah dan tempoh masa yang diperuntukkan untuk menjalankan kajian juga adalah singkat. Oleh itu, pengkaji akan mengambil seramai 100 orang pelajar sahaja untuk dijadikan sampel dalam kajian ini. Mereka yang dipilih adalah memenuhi kriteria sasaran kajian iaitu berumur 11 tahun yang belajar di Sekolah Kebangsaan Sena. Sebanyak 100 unit borang soal selidik akan diedarkan kepada responden. Penentuan ini penting supaya dapat memaksimumkan impak generalisasi.

Instrumen Kajian

Soal selidik yang digunakan adalah soal selidik sedia ada yang telah diolah mengikut kesesuaian objektif dan sampel kajian ini. Soal selidik yang digunakan mengandungi tiga bahagian, iaitu Bahagian A, Bahagian B dan Bahagian C. Soal selidik Bahagian A adalah menggunakan soal selidik yang dibina oleh pengkaji. Tujuan bahagian ini adalah untuk mendapatkan maklumat mengenai latar belakang responden. Item yang terkandung dalam bahagian ini adalah seperti jantina, umur, bangsa, agama, tahap pendidikan dan jenis rumah. Jenis item yang digunakan adalah berbentuk item pilihan tunggal (*single choice item*) iaitu responden dikehendaki menandakan tick (/) jawapan yang berkenaan pada ruangan kotak yang disediakan.

Soal selidik pada Bahagian B pula adalah untuk mengkaji tahap sikap menolong dalam kalangan kanak-kanak sekolah rendah. Skala yang digunakan pada bahagian ini dibina oleh Nickell (1998) iaitu *Helping Attitudes Scale* (HAS) dan diubah mengikut kesesuaian kajian. Skala ini mengandungi sebanyak 20 item dan memperoleh nilai kebolehpercayaan yang tinggi iaitu 0.87. Skala yang digunakan mengandungi dua dimensi, iaitu positif dan negatif. Dimensi negatif adalah merangkumi item 1, 5, 8, 11, 18 dan 19 yang perlu dibuat pemarkahan terbalik iaitu '*reverse scored*', manakala selebihnya merupakan dimensi positif yang tidak perlu dibuat pemarkahan terbalik. Bahagian B ini akan menggunakan skala likert 4 iaitu (1) sangat tidak setuju, (2) tidak setuju, (3) setuju dan (4) sangat setuju.

Kesahan dan Kebolehpercayaan Instrumen

Kebolehpercayaan item di dalam sesuatu instrumen dilihat daripada nilai alpha cronbach (α). Nilai ini diukur dengan menggunakan perisian *IBM Statistical Package for the Social Sciences* (SPSS). 32 Nilai alpha cronbach yang boleh diterima adalah antara 0.71-0.99 (Bond & Fox, 2007). Ini bermaksud nilai yang semakin hampir kepada nilai 1.0 menunjukkan tahap kebolehpercayaan yang tinggi dan jitu.

Pengkaji telah menetapkan seramai 100 orang responden yang akan menjawab soal selidik dalam kajian ini iaitu terdiri daripada para pelajar darjah lima Sekolah Kebangsaan Sena, Kangar, Perlis. Setelah menjalankan kajian ini, pengkaji mendapat keputusan nilai kebolehpercayaan instrumen yang digunakan. Pada Bahagian B instrumen kajian, nilai alpha cronbach yang diperoleh adalah 0.78 manakala pada Bahagian C pula adalah 0.89. Ini menjadikan instrumen yang digunakan adalah baik dan diterima. Ringkasan instrumen kajian dan sumber pengukuran pemboleh ubah bebas dan terikat dalam kajian ini adalah seperti Jadual 1.

Jadual 1: Ringkasan instrumen kajian dan sumber pengukuran pemboleh ubah bebas dan terikat

Pemboleh Ubah Bebas dan Terikat	Bil Item	Kebolehpercayaan Instrumen (n=100) Alpha Cronbach
Tahap sikap menolong dalam kalangan kanak-kanak sekolah rendah	20	0.78
Tahap tingkah laku prososial kesukarelawanan dalam kalangan kanak-kanak sekolah rendah	16	0.89

Kaedah Pengumpulan Data

Seperti kita sedia maklum, rakyat Malaysia kini mengamalkan sikap berhati-hati walaupun kawalan pergerakan telah dilonggarkan. Masyarakat tidak digalakkan untuk bertemu secara bersemuka bagi mengelakkan penularan virus COVID-19 (*Coronavirus Disease 2019*). Maka, pengkaji telah memilih untuk melaksanakan kajian secara atas talian sahaja. Kaedah yang digunakan dalam proses pengumpulan maklumat dalam kajian ini adalah pengumpulan data primer dan pengumpulan data sekunder.

Bagi mendapatkan data primer, kaedah pengumpulan data yang digunakan adalah kaedah tinjauan (survei) dengan mengedarkan set soal selidik secara atas talian. Pengkaji memilih edaran secara atas talian kerana lebih mudah mendapatkan data daripada responden ketika pandemik COVID-19 ini. Set soal selidik tersebut akan diedarkan kepada sampel kajian iaitu seramai 100 orang pelajar tahun 35 lima Sekolah Kebangsaan Sena, Kangar, Perlis iaitu berumur 11 tahun. Pengkaji telah mendapatkan kebenaran pihak universiti, Kementerian Pendidikan Malaysia, Jabatan Pendidikan Negeri Perlis dan juga pihak sekolah berkenaan untuk menjalankan penyelidikan.

Pengkaji juga telah menggunakan kaedah analisis data sekunder (*secondary data analysis*) untuk mendapatkan data-data sekunder. Pengumpulan data sekunder didapati melalui sumber ilmiah seperti buku, jurnal dan artikel. Rata-rata data tersebut diperoleh secara atas talian menerusi laman web internet iaitu *Google Scholar*, *ResearchGate*, *e-Journal Portal UKM*, *Academia* dan sebagainya.

Analisis Data

Setelah selesai mengumpulkan data, data dianalisis menggunakan perisian IBM SPSS (*Statistical Package for the Social Sciences*). Menerusi kajian ini, pengkaji menggunakan analisis deskriptif dan juga analisis korelasi Pearson. Analisis deskriptif dijalankan untuk mengetahui frekuensi, peratusan, min, median dan sisihan piawai bagi menganalisis maklumat demografi responden. Analisis korelasi Pearson pula digunakan untuk menjawab objektif keempat iaitu menganalisis hubungan sikap menolong dengan tingkah laku prososial kesukarelawanan kanak-kanak sekolah rendah. Skala kekuatan hubungan oleh Cohen et al. (2011) digunakan untuk menginterpretasikan hubungan korelasi.

HASIL DAN PERBINCANGAN

Profil Responden

Hasil kajian yang dijalankan ke atas pelajar tahun lima Sekolah Kebangsaan Sena, Kangar mendapati taburan profil mengikut jantina menunjukkan bahawa pelajar perempuan mencatatkan bilangan yang lebih tinggi berbanding pelajar lelaki iaitu 62 orang (62.0%) bagi pelajar perempuan manakala 38 orang (38.0%) bagi pelajar lelaki. Hal ini dikatakan demikian kerana menurut guru kaunselor sekolah berkenaan, bilangan pelajar perempuan lebih ramai berbanding pelajar lelaki.

Di samping itu, umur mereka yang terlibat dalam kajian ini adalah 11 tahun (100%) kerana sampel kajian ditetapkan kepada mereka yang berada di tahun lima sahaja. Kesemua responden kajian yang diperoleh adalah berbangsa Melayu (100%) dan beragama Islam (100%). Oleh kerana Sekolah Kebangsaan Sena bukanlah sekolah vernakular seperti Sekolah Jenis Kebangsaan (SJK), maka pelajar berbangsa India dan Cina yang beragama Hindu, Buddha atau Kristian adalah sukar untuk diperoleh. Majoriti pelajar sekolah tersebut adalah berbangsa Melayu. Bagi tahap pendidikan pula, hasil kajian mendapati kesemua responden adalah di tahap UPSR (100%) kerana merupakan pelajar tahun lima.

Sementara itu, analisis kajian menunjukkan bahawa kebanyakan pelajar tahun lima Sekolah Kebangsaan Sena yang terlibat dalam kajian ini tinggal di rumah teres/taman iaitu sejumlah 67 orang (67.0%). Manakala bagi rumah kampung pula seramai 28 orang bersamaan 28.0% diikuti rumah flat yang agak rendah iaitu tiga orang (3.0%). Rumah pangsapuri pula menunjukkan bilangan responden yang paling rendah iaitu hanya dua orang bersamaan 2.0% daripada peratus keseluruhan. Rumah teres/taman mencatatkan jumlah paling tinggi kerana terdapat banyak taman perumahan di sekitar sekolah tersebut. Hal ini kerana lokasi sekolah tersebut berada di kawasan bandar Kangar. Rumah flat dan pangsapuri adalah agak jauh dengan Sekolah Kebangsaan Sena.

Jadual 2: Profil responden

Demografi %	Kategori	Kekerapan (n=100)	Peratus (%)
Jantina	Lelaki	38	38.0
	Perempuan	62	62.0
Jenis Rumah	Rumah Teres / Taman	67	67.0
	Rumah Pangsapuri	2	2.0
	Rumah Kampung	28	28.0
	Rumah Flat	3	3.0
JUMLAH		100	100.0

Tahap Sikap Menolong dalam Kalangan Kanak-Kanak Sekolah Rendah

Hasil analisis berdasarkan keputusan kajian yang dilaksanakan menunjukkan jumlah skor yang diberikan untuk setiap item menunjukkan nilai skor tertinggi dengan (Min=3.88) adalah pada kenyataan “Kanak-kanak harus diajar tentang kepentingan membantu orang lain”. Di sini dapat dilihat bahawa kanak-kanak perlu dididik dan didedahkan dengan kepentingan membantu orang lain atau dalam erti kata lain diterapkan dengan sikap menolong. Pelbagai pihak bertanggungjawab menggalas peranan mendidik kanak-kanak untuk saling tolong-menolong seperti ibu bapa, guru sekolah, jiran tetangga dan lain-lain.

Menurut Putra dan Rustika (2015), sikap menolong yang diajar dari usia seseorang itu masih kanak-kanak akan mewujudkan kanak-kanak yang faham akan hidup bermuafakat. Kesannya, mereka dapat menjalin hubungan yang baik dengan masyarakat sekeliling dan menghasilkan konsep diri yang positif. Seterusnya, melalui kenyataan “Memberi bantuan kepada orang miskin adalah perkara yang betul untuk dilakukan” menunjukkan nilai skor min adalah (Min=3.84). Pada kenyataan ini jelas menunjukkan perbuatan menolong orang miskin adalah perkara yang patut dibuat. Setiap agama menuntut penganut berbuat baik sesama sendiri dan sentiasa membantu orang susah jika berkemampuan. Oleh kerana kesemua responden kajian adalah beragama Islam, mereka bersetuju dengan kenyataan tersebut disebabkan agama Islam mengajar umatnya sentiasa bersedekah dan menghulurkan bantuan kepada orang miskin dan fakir. Selanjutnya diikuti dengan kenyataan “Terasa indah jika dapat membantu orang lain yang memerlukan” (Min=3.82). Perkara ini jelas menggambarkan perasaan gembira dan lapang dada sekiranya berjaya menghulurkan bantuan kepada orang yang lebih memerlukan.

Manakala nilai skor yang terendah (Min=2.76) ialah pada kenyataan “Saya bercadang untuk menderma organ badan saya apabila saya mati dengan harapan ia akan membantu orang lain hidup”. Hasil dapatan ini menunjukkan kanak-kanak tidak bersedia untuk melakukan perbuatan menolong yang kelihatan berat untuk dibuat

seperti menderma organ badan setelah meninggal dunia. Perkara ini mungkin disebabkan oleh kurangan pendedahan kepada kanak-kanak sekolah rendah berkenaan manfaat pendermaan organ jika meninggal dunia. Ibu bapa juga kurang menitik beratkan perkara ini kerana menganggap kanak-kanak masih kecil dan gusar mereka menjadi takut mendengar perkara tersebut. Jadual 3 menunjukkan taburan responden mengikut sikap menolong dan min bagi setiap soalan.

Jadual 3: Taburan sikap menolong (n=100)

	ITEM	STS	TS	S	SS	Min
1.	Membantu orang lain selalunya membuang masa.	72	17	5	6	3.55
2.	Apabila diberi peluang, saya seronok membantu orang lain yang memerlukan.	0	0	23	77	3.77
3.	Jika boleh, saya akan memulangkan duit yang hilang kepada pemilik yang sah.	4	0	14	82	3.74
4.	Membantu rakan dan keluarga adalah salah satu kegembiraan besar dalam hidup.	3	2	10	85	3.77
5.	Saya akan mengelak daripada membantu seseorang dalam kecemasan perubatan jika saya boleh.	69	16	8	7	3.47
6.	Terasa indah jika dapat membantu orang lain yang memerlukan.	0	1	16	83	3.82
7.	Menjadi sukarelawan untuk membantu seseorang adalah sangat bermanfaat.	0	3	20	77	3.74
8.	Saya tidak suka membantu orang yang tidak saya kenali.	42	36	15	7	3.13
9.	Melakukan kerja sukarela membuatkan saya berasa gembira.	1	3	30	66	3.61
10.	Saya menderma duit kepada badan amal setiap bulan.	4	26	41	29	2.95
11.	Membantu orang tua bukan tanggungjawab saya melainkan mereka sebahagian daripada keluarga saya.	64	18	11	7	3.39
12.	Kanak-kanak harus diajar tentang kepentingan membantu orang lain.	0	0	12	88	3.88
13.	Saya bercadang untuk menderma organ badan saya apabila saya mati dengan harapan ia akan membantu orang lain hidup.	11	31	29	29	2.76
14.	Saya cuba memberikan bantuan dalam aktiviti yang dijalankan oleh komuniti atau kumpulan sekolah saya.	0	3	37	60	3.57
15.	Saya berasa tenang dengan diri saya apabila saya telah membantu orang lain.	0	0	22	78	3.78
16.	Semasa beratur di kaunter bayaran, jika ada orang di hadapan saya kekurangan duit, saya	1	11	47	41	3.28

	akan membantu membayarkannya.					
17.	Saya berasa bangga apabila saya tahu bahawa kemurahan hati saya telah memberi manfaat kepada orang yang memerlukan.	0	4	27	69	3.65
18.	Menolong orang lebih mendatangkan keburukan berbanding kebaikan.	76	14	7	3	3.63
19.	Saya jarang menyumbang duit untuk tujuan yang berbaloi.	46	35	14	5	3.22
20.	Memberi bantuan kepada orang miskin adalah perkara yang betul untuk dilakukan.	1	1	11	87	3.84

Tahap sikap menolong dikelaskan kepada tiga peringkat iaitu rendah, sederhana dan tinggi. Tahap rendah adalah pada nilai (1) satu, tahap sederhana pula pada nilai (2) dua dan tahap tinggi adalah pada nilai (3) tiga. Hasil analisis dapatan kajian telah mendapati tahap sikap menolong dalam kalangan kanak-kanak sekolah rendah adalah majoriti berada pada tinggi iaitu seramai 91 orang, bersamaan 91.0% daripada jumlah keseluruhan. Selebihnya berada pada tahap sederhana dengan peratusan sebanyak 9.0%.

Tahap sikap menolong yang tinggi telah menunjukkan bahawa kanak-kanak sekolah rendah mempunyai nilai keprihatinan yang tinggi di mana mereka mempunyai kesedaran kepentingan menghulurkan bantuan kepada orang lain apabila diperlukan. Nilai skor min tahap sikap menolong yang diperoleh adalah (Min=2.91), dengan sisihan piawai (SP=.288).

Jadual 4 menunjukkan rumusan tahap sikap menolong yang diperoleh hasil daripada kajian yang telah dijalankan ke atas kanak-kanak Sekolah Kebangsaan Sena, Kangar. Dapatan analisis tahap sikap menolong yang tinggi dalam kalangan kanak-kanak sekolah rendah ini telah menunjukkan perbezaan dengan kajian dahulu yang telah dilakukan dengan seorang guru di PAUD Idaman kota Banjarbaru, yang mana hasil kajian menunjukkan sikap menolong dalam kalangan kanak-kanak masih rendah kerana hampir sebahagian pelajar kelasnya tidak mahu menolong rakan yang dalam kesusahan dan lebih memilih untuk berdiam diri (Fitriyana et al. 2019).

Jadual 4: Tahap sikap menolong (n=100)

Tahap Sikap Menolong	Kekerapan	Peratus
Sederhana	9	9.0
Tinggi	91	91.0
Min = 2.91		
SP = .288		

Tahap Tingkah Laku Prososial Kesukarelawanan dalam Kalangan Kanak-Kanak Sekolah Rendah

Hasil analisis terhadap keputusan kajian yang diperoleh menunjukkan nilai skor tertinggi dengan (Min=3.73) adalah pada kenyataan “Saya cuba membantu orang lain”. Perkara ini telah menunjukkan bahawa kanak-kanak sekolah rendah mempunyai niat dan perasaan ingin meringankan beban orang lain dengan memberi bantuan kepada mereka.

Kemudian, melalui kenyataan “Saya empati dengan mereka yang memerlukan” pula menunjukkan nilai skor min kedua tertinggi iaitu (Min=3.72). Sifat empati inilah yang menjadikan mereka mempunyai gerak hati atau

naluri untuk membantu orang lain. Empati mendorong tingkah laku menolong dan menghindarkan seseorang daripada membuat sesuatu yang boleh menyakiti orang lain (Umar et al. 2020). Oleh itu, sifat empati yang ada dalam diri mereka akan menghindarkan mereka daripada bersikap bongkak dan takbur.

Seterusnya diikuti dengan kenyataan “Saya bersedia membantu mereka yang memerlukan” (Min=3.70). Apabila seseorang itu mempunyai sifat empati yang tinggi, mereka akan bersedia untuk menolong orang yang memerlukan bantuan. Hal ini kerana empati merujuk kepada kemampuan seseorang merasakan keadaan orang lain secara emosional, bersimpati dan seterusnya mencuba menyelesaikan masalah orang itu (Baron & Byrne, 2005). Mereka akan bertindak dengan kadar segera apabila mendapati orang lain memerlukan bantuan kerana mempunyai gerak hati yang empati terhadap orang lain.

Nilai skor min yang paling rendah (Min=3.00) adalah pada kenyataan “Saya mudah meminjamkan duit atau perkara lain”. Perkara ini telah menunjukkan bahawa kanak-kanak sekolah rendah tidak suka memberi pinjaman berbentuk kewangan dan berkongsi barangan dengan orang lain. Hal ini dikatakan demikian mungkin kerana ibu bapa mereka telah berpesan dan mendidik untuk tidak sewenang-wenangnya memberi duit dan barangan kepada orang yang tidak dikenali mahupun rakan-rakan sekolah. Ini menjadikan mereka seorang yang tidak mudah untuk meminjamkan duit atau perkara lain. Jadual 5 menunjukkan taburan responden mengikut tingkah laku prososial kesukarelawanan dan min bagi setiap soalan.

Jadual 5: Item tingkah laku prososial kesukarelawanan (n=100)

	ITEM	STB	TB	B	SB	Min
1.	Saya suka membantu rakan dalam aktiviti mereka.	2	1	39	58	3.53
2.	Saya berkongsi perkara-perkara yang saya ada dengan rakan-rakan.	1	6	34	59	3.51
3.	Saya cuba membantu orang lain.	0	0	27	73	3.73
4.	Saya bersedia untuk aktiviti sukarelawan bagi membantu mereka yang memerlukan.	2	2	33	63	3.57
5.	Saya empati dengan mereka yang memerlukan.	0	2	24	74	3.72
6.	Saya bersedia membantu mereka yang memerlukan.	0	2	26	72	3.70
7.	Saya melakukan apa yang saya mampu untuk membantu orang lain mengelakkan diri daripada menghadapi masalah.	1	5	37	57	3.50
8.	Saya sangat merasakan apa yang orang lain rasa.	4	9	35	52	3.35
9.	Saya sanggup mengajar ilmu dan kebolehan saya kepada orang lain.	2	3	33	62	3.55
10.	Saya cuba menghiburkan mereka yang bersedih.	2	2	31	65	3.59
11.	Saya mudah meminjamkan duit atau perkara lain.	6	26	30	38	3.00
12.	Saya mudah meletakkan diri saya di tempat	8	15	42	35	3.04

13.	mereka yang berada dalam ketidakselesaian. Saya cuba mendekati dan menjaga mereka yang memerlukan.	0	9	32	59	3.50
14.	Saya mudah berkongsi dengan rakan-rakan apa-apa peluang baik yang datang kepada saya.	2	6	34	58	3.48
15.	Saya meluangkan masa dengan rakan-rakan yang berasa sunyi.	2	7	31	60	3.49
16.	Saya boleh tahu rakan-rakan tidak selesa dengan saya walaupun mereka tidak beritahu.	7	11	32	50	3.25

Tahap tingkah laku prososial kesukarelawanan juga dikelaskan kepada tiga peringkat iaitu rendah, sederhana dan tinggi. Tahap rendah adalah pada nilai (1) satu dan tahap sederhana adalah pada nilai (2) dua manakala tahap tinggi adalah pada nilai (3) tiga. Hasil analisis dapatan kajian mendapati tahap tingkah laku prososial kesukarelawanan kanak-kanak sekolah rendah majoritinya berada pada tahap tinggi iaitu seramai 83 orang (83.0%). Kemudian diikuti dengan tahap sederhana seramai 16 orang (16.0%).

Tahap rendah mencatatkan hanya seorang iaitu bersamaan 1.0% daripada jumlah keseluruhan. Perkara ini menunjukkan bahawa sebilangan besar kanak-kanak sekolah rendah memahami dan mempraktikkan tingkah laku prososial kesukarelawanan dalam kehidupan harian mereka. Nilai skor min bagi tahap tingkah laku prososial kesukarelawanan adalah (Min=2.82) dan sisihan piawai pula adalah (SP=.411).

Jadual 6: Tahap tingkah laku prososial kesukarelawanan (n=100)

Tahap Tingkah Laku Prososial Kesukarelawanan	Kekerapan	Peratus
Rendah	1	1.0
Sederhana	16	16.0
Tinggi	83	83.0
Min = 2.82		
SP = .411		

Tahap tingkah laku prososial kesukarelawanan yang tinggi dalam kalangan kanak-kanak sekolah rendah adalah berlandaskan kepada sifat empati yang dimiliki. Menurut Syafitri (2020), kajian yang dijalankannya telah mendapati terdapat hubungan positif antara sifat empati, niat dan tingkah laku prososial. Seseorang yang mempunyai sifat empati terhadap orang yang dalam kesusahan akan cenderung mempunyai niat untuk membantu orang tersebut. Perkara ini akan membawa kepada pembetulan tingkah laku prososial atau disebut juga sebagai tingkah laku menolong.

Hubungan Sikap Menolong dengan Tingkah Laku Prososial Kesukarelawanan Kanak-Kanak Sekolah Rendah

Berdasarkan Jadual 7, hasil analisis kajian menggunakan korelasi Pearson mendapati sikap menolong dengan tingkah laku prososial kesukarelawanan ($r=.581^{**}$, $p<0.000$) menunjukkan nilai korelasi positif yang kuat dan terdapat hubungan yang signifikan antara tingkah laku prososial kesukarelawanan dengan sikap menolong dalam kalangan kanak-kanak sekolah rendah di Sekolah Kebangsaan Sena, Kangar. Hal ini dikatakan demikian kerana

nilai signifikan bagi pemboleh ubah ini lebih kecil daripada aras signifikan 0.01 ($p < 0.01$).

Jadual 7: Korelasi Pearson terhadap sikap menolong dengan tingkah laku prososial kesukarelawanan kanak-kanak sekolah rendah

Pemboleh ubah	Sikap menolong
Tingkah laku prososial kesukarelawanan	Nilai korelasi (r) .581**
	Aras signifikasi (p) .000

** .Aras signifikasi $\alpha = 0.01$ (2 hujung)

Oleh demikian, hipotesis nul kajian yang meramalkan tidak terdapat hubungan yang signifikan antara sikap menolong dengan tingkah laku prososial kesukarelawanan kanak-kanak sekolah rendah adalah ditolak. Maka kajian ini menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara sikap menolong dengan tingkah laku prososial kesukarelawanan. Ini bermakna sikap menolong dapat menyumbang kepada tingkah laku prososial kesukarelawanan kanak-kanak sekolah rendah. Kekerapan kanak-kanak mengamalkan sikap menolong akan meningkatkan tingkah laku prososial kesukarelawanan kanak-kanak sekolah rendah.

Berdasarkan Jadual 8, ringkasan hasil keputusan ujian korelasi Pearson menunjukkan keputusan hipotesis kajian adalah ditolak. Pada objektif empat, hasil analisis data menunjukkan sikap menolong dengan tingkah laku prososial kesukarelawanan kanak-kanak sekolah rendah mempunyai hubungan signifikan yang positif.

Jadual 8: Ringkasan hasil keputusan ujian korelasi Pearson terhadap nul kajian

Label	Hipotesis Nul	Keputusan Analisis	Keputusan Hipotesis
H ₀₁	Tiada hubungan yang signifikan antara sikap menolong dengan tingkah laku prososial kesukarelawanan kanak-kanak sekolah rendah.	($r = .581^{**}$) ($p = .000$)	Ditolak

KESIMPULAN

Majoriti responden kajian ini adalah berumur 11 tahun dan sedang berada di tahap pendidikan UPSR sesuai dengan kriteria responden yang telah ditetapkan. Hasil daripada kajian objektif kedua pula dapat dirumuskan bahawa kanak-kanak sekolah rendah mempunyai tahap sikap menolong yang agak tinggi dengan kekerapan seramai 91 orang. Ini menunjukkan bahawa rata-rata kanak-kanak Sekolah Kebangsaan Sena, Kangar telah memahami kepentingan pengamalan sikap menolong dalam kehidupan harian mereka. Seterusnya, hasil kajian merumuskan bahawa tahap tingkah laku prososial kesukarelawanan kanak-kanak sekolah rendah adalah tinggi (kekerapan seramai 83 orang), meskipun terdapat sebilangan kecil sahaja yang masih berada di tahap sederhana dan rendah.

Tindakan tingkah laku prososial yang dipraktikkan adalah kerana sikap menolong yang tinggi dalam diri mereka. Sikap menolong mempunyai hubungan positif yang sangat kuat dengan tingkah laku prososial

kesukarelawan. Perkara ini dapat disokong Suharyat (2009) iaitu sikap menjadi penentu yang penting dalam tingkah laku seseorang. Seseorang kanak-kanak yang sering bersikap ringan tulang dan suka membantu orang lain akan mengalami perubahan tingkah laku, di mana beliau akan sentiasa melakukan perbuatan yang baik tidak kira di mana sahaja. Hal ini kerana sikap akan mempengaruhi corak pemikiran dan daya tindak seseorang terhadap persekitarannya. Cadangan kajian ini kepada profesion kerja sosial adalah seseorang pekerja sosial mesti mempunyai kemahiran dan pengetahuan yang luas dalam usaha menggalakkan kanak-kanak dan keluarga menceburi bidang kesukarelawan dengan melaksanakan program yang berbentuk kesukarelawan di dalam komuniti. Seterusnya, pekerja sosial hendaklah mempunyai jaringan kerjasama yang baik dengan NGO yang ada di Malaysia. Hubungan yang terjalin ini akan memudahkan pekerja sosial bagi merancang dan mencadangkan kepada NGO tersebut untuk melakukan aktiviti kesukarelawan yang melibatkan kanak-kanak sekolah rendah.

Kemahiran sebagai pekerja sosial perlu diaplikasikan ialah kemahiran membina *rapport* yang dimiliki pekerja sosial akan memudahkan mereka semasa proses intervensi untuk mendekati dan menarik minat kanak-kanak untuk terlibat sama dalam aktiviti kesukarelawan. Pengetahuan dalam membuat perancangan program psikososial yang diperlukan dalam sesebuah institusi kekeluargaan juga dapat membantu pekerja sosial meningkatkan kesejahteraan sosial kanak-kanak dan ibu bapa mereka. Pekerja sosial perlu membuat perancangan program dan bekerjasama dengan pihak-pihak berkepentingan dalam memenuhi keperluan program psikososial dalam komuniti. Keterlibatan keluarga dan komuniti adalah penting dalam proses membentuk sahsiah kanak-kanak sejak mereka kecil. Hal ini kerana mereka merupakan orang yang paling hampir dengan kanak-kanak. Komunikasi yang baik dalam keluarga dan antara masyarakat amat diperlukan kerana menjadi titik penentu dalam mempengaruhi seseorang melakukan sesuatu. Sebagai contoh, hubungan komunikasi yang baik antara ibu bapa dengan anak-anak akan membuatkan kanak-kanak tersebut meletakkan kepercayaan yang tinggi dan patuh kepada ibu bapa. Ini memberi kelebihan kepada keluarga, khususnya ibu bapa dalam mengajar dan mendorong anak-anak mengamalkan sikap menolong tidak kira di rumah mahupun di luar. Sikap murni ini akan menyumbang kepada perkembangan tingkah laku prososial kesukarelawan dalam diri kanak-kanak.

Di samping itu, Kementerian Belia dan Sukan (KBS) juga hendaklah menumpukan kepada usaha menarik minat kanak-kanak sekolah rendah untuk menyertai aktiviti-aktiviti berbentuk kesukarelawan sejak usia muda, dan bukan sahaja tertumpu kepada golongan belia semata-mata. Hal ini kerana golongan belia lazimnya sudah mengetahui dan sedar akan aktiviti-aktiviti kesukarelawan yang dianjurkan, maka pendedahan perlu pula difokuskan kepada golongan kanak-kanak kerana mereka kurang menerima pendedahan aktiviti yang dilaksanakan oleh organisasi. Tindakan komprehensif yang dilakukan KBS ini dapat membantu memupuk semangat kesukarelawan yang lebih padu dalam diri kanak-kanak bermula dari awal. Justeru, negara dapat mewujudkan golongan belia yang mempunyai tahap tingkah laku prososial kesukarelawan yang tinggi pada masa akan datang.

PENGHARGAAN

Berterima kasih kepada Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan dan semua responden yang mengambil bahagian dalam kajian ini. Begitu juga pelajar, guru sekolah dan ibu bapa yang memberi sokongan dan orang perseorangan yang telah memberi maklumat dan kerjasama dalam melengkapkan hasil kajian ini.

RUJUKAN

- Anon (2021). 11 pengakap temui ajal, dua kritikal ketika bersihkan tebing sungai. *Astro Awani*, 16 Oktober: 1. Retrieved from <https://www.astroawani.com/berita-dunia/11-pengakap-temui-ajal-dua-kritikal-ketika-bersihkan-tebing-sungai-325674>.
- Bakar, A. Y. A., & Karim, O. A. (2021). Program Gap Year Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA): Pengalaman Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). *Jurnal Personalia Pelajar*, 24(1), 23-28.
- Bond, T. G., & Fox, C. M. (2007). *Applying the Rasch model: Fundamental measurement in the human sciences*. Psychology Press.
- Bryant, A. L., & Zimmerman, M. A. (2003). Role models and psychosocial outcomes among African American adolescents. *Journal of Adolescent Research*, 18(1), 36–67.
- Baron, R. A., & Byrne, D. (2005). *Social Psychology 10 th Edition* (Terjemahan Djuwita, R). *Jakarta: Erlangga*.
- Cohen, L., Manion, L., & Marrison, K. (2011). *Research methods in education* (7th ed.). New York, USA: Routledge Taylor & Francis Group.
- Correia, I., Salvado, S., & Alves, H. V. (2016). Belief in a just world and self-efficacy to promote justice in the world predict helping attitudes, but only among volunteers. *The Spanish Journal of Psychology*, 19 (28).
- Caprara, G. V., Steca, P., Zelli, A., & Capanna, C. (2005). A new scale for measuring adults' prosocialness. *European Journal of psychological assessment*, 21(2), 77-89.
- Eagly, A. H., & Crowley, M. (1986). Gender and helping behavior: A meta-analytic review of the social psychological literature. *Psychological bulletin*, 100(3), 283.
- Fraenkel, J. R., Wallen, N. E., & Hyun, H. H. (2012). *How to design and evaluate research in education*. (8th ed.). New York: Mc Graw Hill.
- Fitria, N. (2015). Bimbingan Kelompok Berbasis Tata Nilai Budaya Lampung Untuk Meningkatkan Tingkah Laku Prosocial Siswa. *Jurnal Fokus Konseling*, 1(2), 162-171.
- Fitriyana, R., Zwagery, R. V., & Safitri, J. (2019). Perbedaan Perilaku Menolong Pada Anak Usia Dini Yang Diberikan Cerita Moral Yang Menekankan Emosi Negatif Pengamat Dengan Cerita Nonmoral Di Paud Idaman Banjarbaru. *Jurnal Kognisia*, 2(2), 95-101.
- Wu, H. T., Tseng, S. F., Wu, P. L., & Chen, C. M. (2016). The Relationship between Parent-Child Interactions and Prosocial Behavior among Fifth-and Sixth-Grade Students: Gratitude as a Mediating Variable. *Universal Journal of Educational Research*, 4(10), 2373-2385.
- Hussain, T. P. R. S., & Yasin, L. (2016a). Belia dan program kesukarelawan di Malaysia: Satu kajian empirikal. *Geografia-Malaysian Journal of Society and Space*, 12(10), 183-194.

- Hussain, T. P. R. S., & Yasin, L. (2016b). Belia dan pembudayaan semangat sukarelawan di Malaysia: Suatu pemerhatian konseptual. *Geografia-Malaysian Journal of Society and Space*, 12(9), 161-172.
- Krejcie, R. V., & Morgan, D. W. (1970). Determining sample size for research activities. *Educational and psychological measurement*, 30(3), 607-610.
- Laporan Tahunan 2020. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia. Retrieved from <https://www.bomba.gov.my/wp-content/uploads/2021/12/laporan-tahunan-jbpm-2020-3-1.pdf>
- Miller, P. A., Eisenberg, N., Fabes, R. A., & Shell, R. (1996). Relations of moral reasoning and vicarious emotion to young children's prosocial behavior toward peers and adults. *Developmental psychology*, 32(2), 210-219.
- Nickell, G. (1998). *The Helping Attitudes Scale*. Paper presented at 106th Annual Convention of the American Psychological Association at San Francisco.
- Nuswantari, W., & Astuti, T. P. (2015). Pengaruh Pemberian Lagu Anak-Anak Terhadap Perilaku Prosocial Siswa Taman Kanak-Kanak. *Jurnal Empati*, 4(4), 101-106.
- Sukeri, N. F. A. M., Mahfar, M., & Sukor, M. S. M. (2021). Hubungan antara Empati dengan Tingkah laku Prosocial dalam kalangan Pelajar Kejuruteraan Universiti. *Sains Humanika*, 13(2-2), 33-42.
- Kamarudin, N. A., & Amran, S. (2023). Hubungan Tahap Aktiviti Fizikal dan Keseronokan Murid Sekolah Rendah dalam Pendidikan Jasmani. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 8(5), 1-9.
- Putra, I. D. G. U., & Rustika, I. M. (2015). Hubungan antara perilaku menolong dengan konsep diri pada remaja akhir yang menjadi anggota tim bantuan medis janar duta fakultas kedokteran universitas udayana. *Jurnal Psikologi Udayana*, 2(2), 198-205.
- Setianingsih, S., Faizah, M. N., & Darwati, L. E. (2020). Study Deskriptif Sikap Menolong pada Siswa yang Mengalami Sinkop. *Jurnal Ners Widya Husada*, 7(1), 15-22.
- Stukas, A. A., & Clary, E. G. (2012). Altruism and helping behavior. In V. S. Ramachandran (Ed.), *Encyclopedia of human behavior* (2nd ed., Vol. 1, pp. 100-107). Kiddleington, UK: Academic Press.
- Syafitri, S. M. (2020). Menumbuhkan empati dan perilaku prososial terhadap anak usia dini dalam menanggapi pelajaran isu dunia nyata. *Jurnal Visi Ilmu Pendidikan*, 12(2), 140-147.
- Suharyat, Y. (2009). Hubungan antara sikap, minat dan perilaku manusia. *Jurnal region*, 1(3), 1-19.
- Suryadilaga, M. A. (2021). Mengajarkan rasa toleransi beragama pada anak usia dini dalam persepektif hadis. *KINDERGARTEN: Journal of Islamic Early Childhood Education*, 4(1), 110-118.
- Tharshini, N. K., & Ibrahim, F. (2019). Pembudayaan kesukarelawanan dalam kalangan masyarakat: satu kajian ulasan sistematik. *Journal of Human Capital Development (JHCD)*, 12(2), 43-52.

- Hussain, T. P. R. S., & Yasin, L. (2016). Belia dan program kesukarelawan di Malaysia: Satu kajian empirikal. *Geografia*, 12(10), 183-184.
- Umar, M. F. R., Daud, M., & Faradillah, F. (2020). Hubungan antara empati dan pemaafan pada remaja yang memiliki orang tua bercerai. *Ecopsy*, 7(2), 1-83.
- Yoo, H., Feng, X., & Day, R. D. (2013). Adolescents' empathy and prosocial behavior in the family context: A longitudinal study. *Journal of youth and adolescence*, 42(12), 1858-1872.
- Yasin, A. M. Z., & Kuan, M. S. (2009). *Peranan ibu bapa dalam persatuan ibu bapa dan guru-guru (PIBG) sekolah jenis kebangsaan cina di Kulai, Johor. Unpublished Article*. Universiti Teknologi Malaysia. <http://eprints.utm.my/id/eprint/10268/>
- Ying, C. S., & Koh, D. (2021). Integrasi Aktiviti Fizikal Dalam Bilik Darjah Terhadap Kanak-Kanak Tahun Satu. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 3(2), 324-333.